



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 Sep2021 (Friday)

Berita Harian

Bantahan rasmi sudah dikemuka sejak tahun lalu 1

Utusan Malaysia

Pewartaan keluar HSKLU tidak bertanggungjawab 2

Haiwan, tumbuhan diancam kepupusan 3

Kosmo

Sultan Selangor dukacita guru, jurunikah enggan ambil vaksin 4

Hampir sejuta penduduk lega bekalan air kembali pulih 5

Sinar Harian

250 pusat tahfiz di Selangor dibebani hutang RM8 juta 6

Guru KAFA, pegawai masjid, jurunikah enggan terima vaksin tak dibenar bertugas 7

Bersatu dakwa kerajaan Selangor beri pelbagai alasan 8

Kementerian tak setuju tindakan Selangor 9

Proses nyah warta HSKLU ditangguh sehingga isu berbangkit selesai 10

Malaysia perlu contohi Turki 11

Gangguan air di Lembah Klang pulih 12

Astro Awani

Enggan Divaksin : Sultan Selangor Zahir Rasa Dukacita 13

Nyahwarta HSKLU - Tiada Diskusi, Tahu Melalui Media - Aktivis 14

Nyahwarta HSKLU - Tiada Diskusi, Tahu Melalui Media - Aktivis 15

Bernamea News Channel

Notis Henti Kerja Susulan Pekerja Maut Jatuh Dari Bumbung 16

Selangor TV

MBI Serah 100 Bakul Makanan Kepada Kerisemas 17

Sabak Bernam Capai Imuniti Kelompok, ADN Pesan Jangan Leka 18

The Star

Selangor Ruler dissatisfied with stubborn teachers 19

Selangor sees increase in household rubbish 20

Only 53 responded to MBPJ's budget survey 21

The Sun

WATER SUPPLY FULLY RESTORED 22

The Malaysian Reserve

LZS distributes 770 food baskets at PPR Kota Damansara 23

Kuala Langat forest reserve degazettement on hold 24

Paragon Globe to build private hospitals 25

China Press

Number of hawkers reduced, lack money to hire RELA and daily losses; Pasar resumes business difficult. 26

Guang Ming Daily



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



Water supply for 463 areas in Selangor's 5 districts restored	27
Unhappy over water rationing in Selangor and KL; Tan Yee Kew and 809 residents complained to federal and Selangor government	28
Makkal Osai	
Degazettement of North Kuala Langat forest reserve PKR get explanation from Selangor MB	29



KERATAN AKHBAR		
3 September 2021		
Akhbar	:	Berita Harian
Tajuk Berita	:	Bantahan rasmi sudah dikemuka sejak tahun lalu
Muka Surat	:	7

Pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara

Bantahan rasmi sudah dikemuka sejak tahun lalu

KeTSA pastikan 50 peratus luas tanah negara meliputi hutan

(oleh Saadiah Ismail dan Samiadi Ahmad)
 bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) membantah tindakan pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara, khususnya di peringkat awal cadangan oleh kerajaan Selangor.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan, berkata malah, bantahan rasmi mengenainya sudah dikemukakan tahun lalu.

"Sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam pengurusan sumber asli negara, kementerian memandangkan berat pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang memabitkan kehilangan sebahagian daripada keluasan asal iaitu seluas 957.63 hektar.

"Sehingga tahun 2019, data Jabatan Perhutanan Semenanjung

Malaysia (JPSM) menunjukkan jumlah kawasan berhutan Negeri Selangor adalah pada 31.74 peratus," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.

Takiyuddin berkata, Malaysia komited dalam memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara diliputi kawasan berhutan selaras komitmen yang dinyatakan di peringkat antarabangsa.

Katanya, pemeliharaan kawasan berhutan adalah penting disebabkan peranannya dalam memberikan perkhidmatan ekosistem kepada kesejahteraan.

Beliau menegaskan kawasan hutan yang diwartakan keluar perlu dibangunkan dengan bertanggungjawab.

Katanya, pembangunan itu juga perlu mengambil kira amalan pembangunan lestari termasuk memastikan kecukupan zon penampungan dan semua syarat Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) yang ditetapkan, dipatuhi sepenuhnya.

"Ini bagi memastikan pembangunan yang bakal dilaksanakan tidak mengganggu gugat kawasan hutan dan ekosistem yang terletak bersebelahan, mahupun kehidupan masyarakat setempat khususnya masyarakat Orang Asli," katanya.



Takiyuddin Hassan

Beliau berkata, kementeriannya juga maklum dengan penggantian empat kawasan hutan berasingan di Selangor dan mengesyorkan ia terus dilindungi serta dipulihara bagi memastikan kawasan berhutan di negeri itu dikekalkan.

Empat kawasan hutan berasingan berkenaan ialah Hutan Simpan Sungai Panjang (308.62 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Barat (149.96 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Timur (57.18 hektar) dan Hutan Simpan Broga (63.88 hektar) sebagai Hutan Simpanan Kekal.

Sementara itu, Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi, Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU), Dr Muhammad Faiz Na'aman, berkata kerajaan Selangor perlu sensitif dengan keluhan kesah masyarakat Orang Asli

sebagai pribumi di kawasan Hutan Simpan Kuala Langat Utara yang mendiami kawasan itu sejak 120 tahun lalu.

Katanya, pihaknya kesal dengan tindakan kerajaan Selangor yang meluluskan penyahwartaan 54 peratus hutan simpan di situ sehingga menyusutkan jumlah keseluruhan hutan simpan ke paras 31 peratus iaitu hampir tahap maksimum terendah 30 peratus ditetapkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Beliau mendakwa pelbagai alasan dikemukakan Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari bagi menjustifikasikan keputusan menyahwartakan khazanah alam itu, termasuk menyatakan sudah meluluskan 581.48 hektar kawasan gantian Hutan Simpan Kekal bagi menebus kawasan hutan simpan yang 'dikorbankan'.

"Wakil dan suara Orang Asli juga tidak dibabitkan dalam perkara ini untuk dijadikan sebagai rujukan atau jurucakap. Malah, hal ehwal Orang Asli di Selangor juga bukan diwakili golongan pribumi ini yang mampu menyelami suara hati golongan terbahit," katanya.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 September 2021		
Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Pewartaan keluar HSKLU tidak bertanggungjawab
Muka Surat	:	4

Pewartaan keluar HSKLU tidak bertanggungjawab

PUTRAJAYA: Kementerian Tenaga dan Sumber Asli tidak bersetuju terhadap tindakan pewartaan keluar Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU), malah telah mengemukakan bantahan rasmi kepada kerajaan negeri itu berhubung perkara tersebut tahun lalu.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, kementerian itu memandang berat dan mengambil perhatian pewartaan keluar hutan simpan berkenaan yang melibatkan kehilangan sebahagian daripada keluasan asal iaitu seluas 957.63 hektar.

"Ini kerana sehingga tahun 2019, data Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menunjukkan jumlah kawasan berhutan Negeri Selangor adalah pada 31.74 peratus.

"Kementerian juga mengambil maklum penggantian seluas 579.64 hektar melibatkan empat kawasan hutan berasingan.

"Ia membabitkan Hutan Simpan Sungai Panjang (308.62 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Barat (149.96 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Timur (57.18 hektar) dan Hutan Simpan Broga (63.88 hektar) sebagai Hutan Simpanan



HUTAN Simpan Kuala Langat Utara yang menyimpan pelbagai khazanah flora dan fauna berharga kini termasuk dalam pelan kerajaan negeri untuk dimajukan dengan projek komersial.

Kekal," katanya dalam kenyataan akhbar semalam.

Semalam, Jabatan Perhutanan Selangor mengesahkan kelulusan pembermilikan kawasan nyahwarta HSKLU pada 5 Mei lalu kepada syarikat pemaju, Gabun-

gan Indah Sdn. Bhd.

Kelulusan kontroversi penyahwartaan tanah seluas 536.7 hektar tersebut oleh kerajaan negeri pimpinan Pakatan Harapan itu malahan bercanggah dengan keputusan PKR sebelum itu seka-

li gus mencetuskan kemarahan Presiden parti berkenaan, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang meminta Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari memberi penjelasan tuntas.

Takiyuddin berkata, Malay-

sia komited dalam memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi kawasan berhutan selaras dengan komitmen yang dinyatakan di peringkat antarabangsa.

Sementara itu, Sahabat Alam Malaysia (SAM) menyifatkan langkah kerajaan Selangor menyahwarta Hutan Simpan Kuala Langat Utara sebagai tidak bertanggungjawab kerana lokasi itu merupakan salah satu hutan gambut terakhir di selatan negeri itu yang menjadi 'mangsa' kerakusan pembangunan komersial.

Presidennya, Meenakshi Ramman berkata, pihaknya amat marah dengan keputusan kerajaan negeri itu terutama pada saat umat manusia menghadapi krisis alam.

Mengulas lanjut, beliau dalam nada kesal berkata, tindakan kerajaan negeri itu juga jelas bercanggah dengan Rancangan Fizikal Negara yang seharusnya tiada penukaran status.

"HSKLU yang keluasan keseluruhannya 931 hektar itu sudah pun memenuhi syarat Kawasan Sensitif Alam Sekitar Tahap Satu yang wajib dilindungi oleh pihak berkuasa," tegas beliau.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR

3 September 2021

Akhbar	:	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	:	Haiwan, tumbuhan diancam kepupusan
Muka Surat	:	6

Haiwan, tumbuhan diancam kepupusan



Haiwan, tumbuhan diancam kepupusan

Oleh MOHAMAD ATHIR ISMAIL

Pada masa ini hutan simpang tersebut masih menjadi habitat beberapa spesies haiwan dan tumbuhan yang terancam kepupusan.

Tumbuhan liar seperti kempas, petaling dan meranti turut terancam kepupusan kerana terdapat ancaman kepupusan akibat pembalakan dan pembangunan.

Terdapat juga ancaman kepupusan kepada beberapa spesies burung dan mamalia.

Malah, komuniti Orang Asli dan Suku Temuan yang tinggal di kawasan berkenaan juga terancam kepupusan.

Menyuarakan suara mereka, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari menegaskan bahawa kerajaan akan berusaha untuk melindungi kawasan tersebut.

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

KUALA LANGAT Persekitaran Hutan Simpang Kuala Langat Utara (HSKL) untuk pembangunan perumahan peribadi spesies haiwan dan tumbuhan yang terancam kepupusan.

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021

Diambil pada 10.9.2021



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503, SHAH ALAM, SELANGOR
No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR 3 September 2021

Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Sultan Selangor dukacita guru, jurunikh enggan ambil vaksin
Muka Surat	:	4

Sultan Selangor dukacita guru, jurunikh enggan ambil vaksin



SULTAN SHARAFUDDIN

SHAH ALAM – Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menzahirkan rasa dukacita apabila 112 individu termasuk guru Kelas al-Quran dan Fardhu Ain (Kafa) di negeri ini enggan menerima suntikan vaksin.

Sultan Sharafuddin bertitah, tindakan mereka bukan sahaja akan membahayakan diri mereka sendiri, malah turut boleh memudaratkan orang ramai termasuk para pelajar.

Titah baginda, berdasarkan laporan terperinci diterima daripada Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), difaham-

kan seramai 326 orang guru Kafa belum mendapat suntikan vaksin, manakala 95 orang guru Kafa enggan menerima suntikan vaksin berkenaan.

Bagi pegawai masjid pula didapati seramai 59 orang belum menerima vaksin dengan 11 orang lagi enggan berbuat demikian selain sembilan orang jurunikh pula masih belum divaksin dan enam dikenal pasti enggan menerima vaksin.

"Golongan itu sepatutnya mengetahui bahawa suntikan vaksin dapat mengelakkan seseorang yang dijangkiti dengan vi-

rus Covid-19 daripada menerima kesan yang lebih buruk dan dapat mengelakkan kematian.

"Malah, beta difahamkan sejumlah besar kematian akibat Covid-19 di Selangor ini adalah dalam kalangan mereka yang tidak divaksin. Beta ingin mengingatkan guru-guru Kafa, pegawai-pegawai masjid dan jurunikh, mereka yang masih berdegil dan enggan menerima vaksin berdepan kemungkinan tidak dibenarkan untuk meneruskan tugas," titah baginda dalam kenyataan dikeluarkan Istana Alam Shah, semalam.

Justeru, baginda berharap Jabatan Kesihatan Selangor dapat menyegerakan proses vaksinasi Covid-19 terhadap guru-guru Kafa, pegawai-pegawai masjid dan jurunikh di negeri itu.

Sultan Sharafuddin turut menegaskan baginda difahamkan terdapat 268 orang guru sekolah rendah kebangsaan dan 182 orang guru sekolah menengah kebangsaan di Selangor enggan divaksin.

Baginda turut mengingatkan Selangor telah mengeluarkan fatwa bahawa pengambilan vaksin Covid-19 adalah diharuskan.



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 September 2021		
Akhbar	:	Kosmo
Tajuk Berita	:	Hampir sejuta penduduk lega bekalan air kembali pulih
Muka Surat	:	16

Hampir sejuta penduduk lega bekalan air kembali pulih

SHAH ALAM – Kehidupan hampir sejuta penduduk di 463 kawasan di sekitar Lembah Klang yang terjejas akibat masalah air sejak Selasa lalu kembali seperti sediakala apabila bekalan air pulih sepenuhnya semalam.

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd. (Air Selangor) berkata, kesemua bekalan air bersih telah berjaya disalurkan sepenuhnya kepada penduduk di lima wilayah iaitu Petaling, Hulu Langat, Sepang, Putrajaya dan Kuala Langat pukul 6 pagi semalam.

"Air Selangor berterima kasih kepada pengguna atas kesabaran dan kerjasama yang diberikan sepanjang tempoh gangguan bekalan air itu.

"Para pengguna disaran mendapatkan maklumat rasmi



KERATAN Kosmo! semalam.

gangguan bekalan air menerusi semua medium komunikasi rasmi Air Selangor iaitu aplikasi Air Selangor, Twitter, Facebook, Instagram dan laman sesawang www.airselangor.com," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Air Selangor turut menjelaskan sebarang pertanyaan dan aduan turut boleh diajukan di Pusat Perhubungan Air Selangor di talian **15300** atau Help Centre

di aplikasi Air Selangor.

Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) kelmarin menyatakan pembuangan effluen sehingga menyebabkan henti tugas Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih dan menyebabkan berlaku gangguan bekalan air dipercayai dilakukan ketika paras air Sungai Semenyih tinggi.

Kejadian itu dikatakan berlaku di antara pukul 1 hingga 7 pagi susulan hujan lebat di bahagian hulu pada Selasa lalu.

Kosmo! sebelum ini melaporkan hampir sejuta penduduk di lima wilayah terabit mengalami gangguan bekalan air tidak berjadual berpunca daripada pencemaran bau yang dikesan berlaku di Stesen Pam Air Mentah Jenderam Hilir kira-kira pukul 11.10 pagi, Selasa lalu.



SEORANG penduduk menadah air yang dibekalkan oleh lori Air Selangor di Seri Kembangan kelmarin.



KERATAN AKHBAR		
3 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	250 pusat tahfiz di Selangor dibebani hutang RM8 juta
Muka Surat	:	8

Pengurangan yuran menyebabkan pusat tahfiz tidak mampu bayar gaji tenaga pengajar

SHAH ALAM

Sebanyak 250 pusat tahfiz di Selangor terbeban dengan hutang yuran pelajar sebanyak hampir RM8 juta sejak Januari lalu hingga Ogos tahun ini.

Pengerusi Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Negeri Selangor (Pitas), Muhamad Hafiz Mohamad Haneefa berkata, walaupun majoriti pusat tahfiz di negeri ini telah memberikan pengurangan yuran sehingga 60 peratus kepada ibu bapa, namun mereka masih tidak mampu melunaskan bayaran tersebut kerana terkesan dengan pandemik Covid-19.

Menurutnya, pengurangan yuran tersebut menyebabkan pusat tahfiz tidak mampu membayar gaji tenaga pengajar yang sebelum ini telah pun terpaksa dikurangkan sebanyak 50 peratus kerana kini pelajar hanya mengikuti pembelajaran dan pengajian secara dalam talian.

Selain itu, Muhamad Hafiz

turut memaklumkan sebanyak 10 pusat tahfiz menghentikan operasi secara sementara sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dilaksanakan kerana tidak mampu bertahan.

"Sebelum ini terdapat pihak-pihak yang membantu dari segi gaji dan keperluan guru-guru, jadi mereka bergantung kepada bantuan tersebut.

"Namun apabila syarikat tersebut juga terkesan dengan PKP 3.0, mereka tidak dapat memberikan bantuan. Akibatnya maahad tahfiz tersebut terpaksa menghentikan operasi sementara," katanya.

Selain dibebani hutang yuran pelajar, Muhamad Hafiz berkata, pusat tahfiz di Selangor turut menanggung kos sewa premis bulanan dan utiliti sebanyak lebih RM1 juta sejak pelaksanaan PKP 3.0.

Namun begitu, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah meluluskan dana RM200,000 pada Julai lalu untuk membantu pusat tahfiz yang terkesan.

"Pitas berjaya mengagihkan hampir RM50,000 kepada pihak maahad tahfiz yang terkesan khususnya pusat tahfiz yang terlibat dalam kes Covid-19," katanya.

Muhamad Hafiz berkata, pihak Lembaga Zakat Selangor juga telah membuka permohonan khas kepada pusat tahfiz dan meluluskan permohonan guru-guru maahad tahfiz yang terjejas dari segi pemotongan elaun, gaji serta cuti tanpa gaji.

Tambahnya, hampir 2,000 guru maahad tahfiz terkesan dengan pandemik Covid-19 sama ada dicutikan, diberhentikan sementara atau gaji dipotong.

"Jadi pihak LZS akan memberi bantuan RM500 secara *one-off* selama tiga bulan kepada guru-guru yang memohon bantuan itu.

"LZS juga memberi ruang ke-



MUHAMAD HAFIZ

pada warga pusat tahfiz untuk membuat permohonan bagi menjelaskan hutang dan bil utiliti yang kritikal seperti bayaran bulanan kereta, sewa rumah dan sebagainya, selain memberi ruang kepada pusat tahfiz untuk memohon bantuan bagi menyelesaikan hutang pusat tersebut.

"Kita juga mengumpulkan data daripada pusat-pusat tahfiz dan mendapati sebanyak RM2.6 juta diperlukan untuk membayar tunggakan bil elektrik dan sewa.

"Jadi kita akan hantar permohonan kepada LZS untuk memohon bantuan berkenaan isu ini," katanya.

Dalam perkembangan lain, Muhamad Hafiz berharap Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Senator Idris Ahmad memberikan tumpuan terhadap isu warga pusat tahfiz dengan memberikan

bantuan kecemasan secara *one-off* dan bantuan baik pulih pusat tersebut.

Pada masa sama, beliau turut menggesa Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari yang juga memegang portfolio pendidikan di Selangor supaya meluluskan bantuan kecemasan kepada guru-guru.

"Kita lihat banyak negeri lain seperti Kelantan yang memberikan bantuan *one-off* kepada guru-guru tahfiz sebanyak RM500.

"Tahun ini kerajaan Perak meluluskan bantuan *one-off* RM1,000 seorang dan setiap pusat tahfiz juga diberi bantuan lain.

"Saya harap Menteri Besar memberikan sedikit keutamaan kepada warga tahfiz," katanya.

Selain itu, Muhamad Hafiz juga berharap kerajaan Selangor menilai semula proses pemutihan yang sedang berlangsung dan memberikan pengurangan premium tanah kerana kebanyakan tanah pusat tahfiz di Selangor dibina atas tanah pertanian.

250 pusat tahfiz di Selangor dibebani hutang RM8 juta



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT, BAHAGIAN KORPORAT
 TINGKAT 4, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
 40503, SHAH ALAM, SELANGOR
 No.Tel: 03-5544 7456/7457/7458 No.Fax : 03-5513 5569
 Email: sektakhbarsgor@gmail.com



CERTIFIED TO ISO 9001:2008
 CERT. NO. : AR1991



KERATAN AKHBAR		
3 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Guru KAFA, pegawai masjid, jurunikah enggan terima vaksin tak dibenar bertugas
Muka Surat	:	10

Guru KAFA, pegawai masjid, jurunikah enggan terima vaksin mungkin tak dibenar bertugas

SHAH ALAM - Guru Kelas Al-Quran dan Fardu Ain (KAFA) yang masih berdegiil enggan menerima suntikan vaksin bakal berdepan kemungkinan tidak dibenarkan meneruskan tugas.

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah turut memberikan peringatan sama kepada pegawai-pegawai masjid dan jurunikah yang enggan divaksin.

Baginda menzahirkan rasa dukacita apabila terdapat dalam kalangan golongan itu yang memilih untuk tidak divaksin kerana tindakan itu membahayakan diri sendiri dan orang ramai.

Sultan Selangor bertitah, Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), Mohd Shahzihan Ahmad telah memberikan maklumat terperinci mengenai maklumat pengambilan vaksin Covid-19 dalam kalangan guru KAFA, pegawai masjid dan surau serta jurunikah di bawah pentadbiran JAIS.

"Beta difahamkan seramai 326

orang guru KAFA belum mendapat suntikan vaksin Covid-19 manakala 95 orang guru KAFA enggan menerima suntikan vaksin berkenaan.

"Sementara itu, seramai 59 orang pegawai masjid belum mendapat suntikan vaksin Covid-19, dengan 11 orang lagi enggan berbuat demikian.

"Sembilan orang jurunikah pula masih belum divaksin dan enam dikenal pasti enggan menerima vaksin," titah baginda menerusi kenyataan dimuat naik di Facebook Selangor Royal Office pada Khamis.

Baginda bertitah, Jabatan Kesihatan Selangor diharapkan dapat menyegerakan proses vaksinasi Covid-19 terhadap golongan berkenaan kerana bimbang boleh memudaratkan pelajar.

"Golongan ini sepatutnya mengetahui bahawa jika seseorang itu dijangkiti de-



SULTAN SHARAFUDDIN

ngan virus Covid-19, suntikan vaksin akan dapat mengelakkan mereka daripada menerima kesan yang lebih buruk dan dapat mengelakkan kematian.

"Beta difahamkan sejumlah besar kematian akibat Covid-19 di Selangor adalah dalam kalangan mereka yang tidak divaksin," titah baginda.

Baginda turut maklumkan terdapat 268 guru sekolah rendah kebangsaan dan 182 guru sekolah menengah kebangsaan di Selangor turut enggan divaksin dan ia perlu diambil perhatian oleh pihak berwajib.

Titah baginda, pakar perubatan mengesahkan vaksin adalah satu-satunya cara untuk atasi penularan Covid-19 buat masa ini.

"Kerajaan juga berusaha mewujudkan imuniti kelompok bagi mengurangkan risiko jangkitan," titahnya.

Sultan Sharafuddin mengingatkan bahawa Selangor telah mengeluarkan fatwa bahawa pengambilan vaksin Covid-19 adalah diharuskan.

"Justeru, rakyat beta tidak perlu khuatir atau ragu-ragu untuk mendapatkan suntikan vaksin.

"Isu-isu berkaitan pengambilan vaksin Covid-19 telah banyak kali disebut dalam khutbah Jumaat dan menerusi kenyataan akhbar yang beta ke- luarkan," titah baginda.

Baginda menyeru rakyat di negeri Selangor untuk mendapatkan suntikan vaksin di Pusat Penyuntikan Vaksin (PPV) yang disediakan demi kebaikan diri sendiri dan masyarakat sekeliling.





KERATAN AKHBAR
3 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Bersatu dakwa kerajaan Selangor beri pelbagai alasan
Muka Surat	:	13

Bersatu dakwa kerajaan Selangor beri pelbagai alasan

SHAH ALAM - Pemimpin Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu) mendakwa pelbagai alasan dikemukakan pihak Menteri Besar Selangor bagi menjustifikasi keputusan kerajaan negeri itu menyahwartakan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU).

Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Dr Muhammad Faiz Na'aman ber-

kata, kerajaan Selangor kononnya telah meluluskan hutan gantian seluas 579.64 hektar bagi menebus kawasan HSKLU yang telah 'dikorbankan' oleh penyahwartaan sebagai hutan simpan.

Menurutnya, persamaan biodiversiti juga dijadikan alasan untuk penggantian tersebut namun apa yang tidak ditekankan ialah keluhan serta pendapat majoriti warga orang asli suku Temuan sebagai pribumi di kawasan hutan simpan tersebut sejak 120 tahun dahulu.

"Anehnya hal ehwal orang asli di negeri tersebut dipengerusikan oleh watak yang bukan pribumi.

"Bagaimanakah dirinya mampu menyelami suara hati pribumi seperti orang asli tersebut," katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Mengulas lanjut, Muhammad Faiz turut memaklumkan seramai 2,000 orang asli



MUHAMMAD FAIZ

suku Temuan hidup berdampingan dengan kawasan HSKLU tersebut.

"Mereka menganggap hutan tersebut adalah warisan nenek moyang mereka, tanah adat serta tempat mereka mencari rezeki hasil-hasil hutan.

"Kita tidak mahu kelak orang asli ini mendakwa warga Malaysia khususnya saudara-saudara bumiputera yang lain tidak mengendahkan nasib me-

reka," katanya.

Sehubungan itu, beliau berkata, jangan sesekali memandang rendah suara orang asli di sesuatu tempat kerana mereka mungkin lebih mengenali alam semula jadi berbanding mereka yang hidup di bandar.

"Mereka faham betapa pentingnya keseimbangan ekosistem dilindungi kerana ia memberi kesan kepada komposisi gas udara, sumber air bersih dan mengurangkan suhu panas hingga mampu menangani perubahan iklim secara keseluruhannya.

"Sebarang niat ke arah pembangunan dan kemajuan negara wajar diseimbangkan dengan keperluan spiritual dan hak alam," katanya

Dalam pada itu, beliau menambah, Selangor adalah negeri termaju di Malaysia yang tidak lekang dengan isu pencemaran sungai, banjir kilat, tanah runtuh, dan kejadian ribut yang makin kerap terjadi.



KERATAN AKHBAR		
3 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Kementerian tak setuju tindakan Selangor
Muka Surat	:	13

Kementerian tak setuju tindakan Selangor

Menteri menuntut kerajaan Selangor laksana pembangunan lestari di tanah HSKLU yang dinyah warta

Oleh RAJA NUR FAZNIE AIDA

SHAH ALAM

Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) tidak bersetuju tindakan kerajaan Selangor menyahwartakan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) terutama pada peringkat awal cadangan.

Menterinya, Datuk Seri Takiyuddin Hassan berkata, pihak kementerian juga telah mengemukakan bantahan kepada kerajaan Selangor berhubung tindakan penyahwartaan HSKLU tahun lalu.

“Sebagai kementerian yang bertanggungjawab dalam pengurusan sumber asli negara, kementerian ini me-

mandang berat dan mengambil perhatian terhadap pewartaan keluar HSKLU yang melibatkan kehilangan sebahagian daripada keluasan asal iaitu seluas 957.63 hektar.

“Ini kerana sehingga tahun 2019, data Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menunjukkan jumlah kawasan berhutan di Selangor adalah pada 31.74 peratus,” katanya dalam satu kenyataan pada Khamis.

Tambah Takiyuddin, pihaknya sentiasa memastikan sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keluasan tanah negara dilitupi hutan selaras komitmen Malaysia di peringkat antarabangsa.

“Pemeliharaan kawasan hutan adalah penting disebabkan peranannya dalam memberikan perkhidmatan ekosistem kepada kesejahteraan hidup masyarakat,” katanya.

Sehubungan itu, Takiyuddin berkata, pihaknya turut mengambil maklum penggantian seluas 579.64 hektar melibatkan



TAKIYUDDIN

Hutan Simpan Sungai Panjang (308.62 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Barat (149.96 hektar), Hutan Simpan Buloh Telor Timur (57.18 hektar) dan Hutan Simpan Broga (63.88 hektar) sebagai hutan simpanan kekal.

Menurutnya, ia bertujuan untuk memastikan hutan di Selangor terus dilindungi dan dipulihara.

“Kerajaan Selangor diharap memastikan kawasan hutan yang telah diwarta keluar tersebut dibangunkan dengan bertanggungjawab, malah mengambil kira amalan pembangunan lestari termasuk memastikan kecukupan zon penampungan selain mematuhi semua syarat yang ditetapkan Laporan Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA).

“Ini bagi memastikan pembangunan yang bakal dilaksanakan tidak mengganggu gugat kawasan hutan dan ekosistem yang terletak bersebelahan, mahupun kehidupan masyarakat setempat khususnya masyarakat orang asli,” ujarnya.



KERATAN AKHBAR

3 September 2021

Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Proses nyah warta HSKLU ditangguh sehingga isu berbangkit selesai
Muka Surat	:	13

Proses nyah warta HSKLU ditangguh sehingga isu berbangkit selesai

SHAH ALAM - Proses penyahwartaan Hutan Simpan Kuala Langat Utara (HSKLU) akan ditangguhkan sehingga kerajaan negeri selesai mempertimbang dan menjelaskan kesemua isu yang telah dibangkitkan.

Pengarah Komunikasi Parti Keadilan Rakyat (PKR), Fahmi Fadzil berkata, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari memberi jaminan itu dalam mesyuarat biro politik yang diadakan pada malam Rabu.

Menurutnya, biro politik telah menerima pandangan dan penjelasan daripada Amirudin serta Exco Pelancongan dan Alam Sekitar, Hee Loy Sian berhubung isu penyahwartaan HSKLU.

“Biro politik telah menegaskan bahawa keputusan perlu berpegang kepada beberapa prinsip asas termasuk kepentingan penjagaan alam sekitar, urus tadbir proses perolehan serta penilaian yang telus, terbuka dan baik.

“Kesan penyahwartaan HSKLU terhadap masyarakat amnya perlu diminimumkan. Ini termasuk perkara-perkara yang dibangkitkan Ahli Dewan



FAHMI

Undangan Negeri (ADUN) Selangor dan badan bukan kerajaan (NGO),” katanya dalam kenyataan pada Rabu.

Pada Isnin, Exco Alam Sekitar dan Hal Ehwal Orang Asli, Hee Loy Sian memaklumkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bersetuju menyahwartakan HSKLU bagi tujuan pembangunan.

Pemakluman menerusi sidang Dewan Undangan Negeri itu menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan NGO pencinta alam sekitar membantah keputusan tersebut.

Dalam pada itu, Fahmi berkata, mesyuarat sama juga telah membangkitkan isu cadangan pembinaan Petaling Jaya Dispersal Link (PJD Link) iaitu kerajaan negeri hanya terlibat berkaitan isu kelulusan tanah.

“Amirudin telah menjelaskan bahawa PJD Link merupakan cadangan semula pihak swasta bagi menggantikan projek yang sebelum ini dikenali sebagai Lebuhraya Kinrara-Damansara (KIDEX) iaitu sebuah projek kerajaan Persekutuan,” katanya.



KERATAN AKHBAR		
3 September 2021		
Akhbar	:	Sinar Harian
Tajuk Berita	:	Malaysia perlu contohi Turki
Muka Surat	:	17

Malaysia perlu contohi Turki



ILMU
 KEJURUTERAAN
 DARIPADA
 AL-QURAN
 DR MUHIDIN ARAFIN

Artificial Intelligent atau kecerdasan buatan (AI) kini memasuki fasa yang sangat menakjubkan. Ia rentetan kejayaan Turki yang berjaya mendayacipta jet pejuang tanpa pemandu atau *unmanned fighter jet* (UFJ).

UFJ tersebut adalah antara 34 Kenderaan Udara Tanpa Pemandu atau *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) buatan Turki yang akan diterbangkan pada tahun 2023.

Kebelakangan ini penulis mendapati persaingan teknologi UAV dan Kenderaan Bawah Air Autonomi atau *Autonomous Underwater Vehicle* (AUV) sangat sengit. Negara maju kini mula menurus kepada teknologi Kenderaan Udara Tempur Tanpa Pemandu atau *Unmanned Combat Aerial Vehicle* (UCAV) dan Kenderaan Tempur Bawah Air Autonomi atau *Autonomous Combat Underwater Vehicle* (ACUV).

Penulis mengikuti revolusi teknologi dan kejuruteraan kenderaan udara serta laut kerana sedang menyelidik dan mereka bentuk kenderaan 'Bot Terbang'

atau *Flying Boat*.

Teknologi bot terbang ini kombinasi teknologi bot berkelajuan tinggi, hoverkraf, kapal terbang dan *wing-in-ground* (WIG). Penulis akan mengaplikasikan aspek AI dalam ciptaan tersebut. Namun apabila berita tentang UFJ tersebar luas, penulis mendapati ia berbeza dengan UAV jenis lain kerana ia menggunakan AI untuk melakukan serangan strategik, sokongan udara dekat atau *close air support* (CAS), serangan peluru berpandu atau *missile offensive* (MO), penindasan pertahanan udara musuh atau *suppression of enemy air defences* (SEAD) dan pemusnahan pertahanan udara musuh atau *destruction of enemy air defences* (DEAD).

Pesawat pejuang tanpa jurutera dengan kod TB3 UCAV ciptaan jurutera Turki itu mempunyai jarak penglihatan rendah dan mampu terbang secara agresif. Ia pernah diuji selama 24 jam dengan ketinggian 27,030 kaki daripada paras laut dengan keseluruhan berat maksimum 5,500 kilogram pada kelajuan melebihi 800 kilometer sejam (km/j).

Nisbah kelajuan badan pesawat berbanding dengan kelajuan bunyi dalam medium sekeliling adalah 0.64 atau 'March 0.64'. Dilaporkan kos pembiayaan, operasi dan penyelenggaraan jauh lebih rendah daripada pesawat F-35.

Teknologi UAVD sebenarnya bukan

perkara baharu. Negara maju telah menggunakan dron dalam pertempuran sejak Perang Dunia II. Teknologi dron sangat penting dalam industri pejuang udara untuk misi risikan, pengawasan udara dan pengintaian atau *intelligence, surveillance and reconnaissance* (ISR).

Ia juga penting dalam strategik ketenteraan atau UCAV. UCAV ialah dron tempur membawa senjata pejuang seperti roket, peluru berpandu, kereta kebal dan bom serta peralatan rahsia untuk serangan udara. Penulis pasti suatu hari nanti Turki akan melahirkan XQ-58 Valkyrie yang dianggap dron tempur terunggul ketika ini.

Sebenarnya aspek AI dan hubung kaitnya dalam ketenteraan telah dinyatakan dalam surah al-Anfaal [8:60] bermaksud: "*Dan siapkanlah untuk menghadapi mereka (dengan segala) kekuatan apa sahaja kamu sanggup dan daripada kuda-kuda ditambah untuk berperang (yang dengan persiapan itu) kamu menggentarkan musuh ALLAH, musuhmu dan orang-orang selain mereka kamu tidak mengetahuinya sedangkan ALLAH mengetahuinya.*"

Sehubungan itu, Malaysia perlu mengambil contoh kejayaan *Turkish Aerospace Industries* (TAI). Ketika ini, rasanya masih ramai tertanya-tanya status pembangunan dan penggunaan teknologi UAV dan AUV di Malaysia? Difahami, Amerika, Israel, China,

Iran, Rusia dan Turki sedang berada dalam fasa besar-besaran untuk industri AUV serta UAV.

